

Headline	PKR saran Najib adakan rundingan tambah kuota jemaah haji		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,984
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,951



PKR saran Najib adakan rundingan tambah kuota jemaah haji

KUALA LUMPUR - PKR menyarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan rundingan dengan kerajaan Arab Saudi bagi



RAFIZI

meningkatkan kuota jemaah haji negara ini kepada 50,000 orang.

Naib Presidennya, Rafizi Ramli berkata, ia bertujuan untuk memendekkan tempoh menunggu giliran bakal haji.

"Memandangkan beliau (Najib), sangat rapat dengan kerajaan Arab Saudi di mana keluarga Diraja Arab Saudi boleh mendermakan sejumlah wang kepada beliau.

"Saya yakin, beliau begitu rapat dengan keluarga diraja Arab Saudi dan boleh mendapatkan pertambahan kuota haji bagi rakyat Malaysia," katanya pada sidang

media di lobi Parlimen, semalam.

Menurut Rafizi, beliau sedia maklum mengenai jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom kelmarin di Dewan Rakyat seolah-olah menuding jari terhadap komen beliau mengenai tempoh masa menunggu untuk menunaikan haji.

"Sebenarnya saya telah mendapat jawapan dari beliau sendiri pada 9 Mac lalu mengenai kaedah yang digunakan bagi menentukan giliran jemaah haji menunaikan haji.

"Jawapan beliau kelmarin tidak tepat dan cuba menyembunyikan

kelemahan di pihak beliau sendiri dengan memberi gambaran seolah-olah timbal balik terhadap kedudukan kewangan Tabung Haji adalah punca bakal haji terpaksa menunggu masa yang lama," katanya.

Merujuk kepada jawapan Jamil Khir, setakat Februari 2016 terdapat 2.023 juta pemegang akaun Tabung Haji yang telah mendaftar untuk menunaikan haji sedangkan kuota haji setiap tahun adalah sebanyak 0.1 peratus dari jumlah penduduk Malaysia (rujukan laman rasmi Tabung Haji).

Mengulas lanjut Rafizi berkata, pada angka berjumlah 2.023

juta, secara purata seorang bakal haji perlu menunggu antara 40 hingga 70 tahun bagi menunaikan haji.

"Tempoh masa yang lama ini tidak ada kena mengena dengan komen-komen saya mengenai Tabung Haji, tetapi adalah kerana kegagalan kerajaan Malaysia mendapatkan kuota tambahan dari kerajaan Arab Saudi," katanya.

Rafizi turut memaklumkan akan membentangkan analisa mengenai pengurusan giliran dan kuota haji dalam masa terdekat.